

SULIT

PEPERIKSAAN PERCUBAAN

SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2019

1249/3(PRK)

SEJARAH

Kertas 3

Peraturan Pemarkahan

Ogos

UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA

AMARAN

Peraturan pemarkahan ini **SULIT**. Kegunaannya khusus untuk pemeriksa yang berkenaan sahaja. Sebarang maklumat dalam peraturan pemarkahan ini tidak boleh dimaklumkan kepada sesiapa. Peraturan pemarkahan ini tidak boleh dikeluarkan dalam apa-apa bentuk media.

Skema Pemarkahan Percubaan Sejarah 2019

BIL	ISI DAN HURAIAN		MARKAH
1		Nyatakan latar belakang pembentukan Malaysia.	
	F1	Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957 telah membawa kemerdekaan kepada Persekutuan Tanah Melayu	1
	F2	Persekutuan Tanah Melayu terdiri daripada 9 buah negeri Melayu	1
	F3	iaitu Johor,Negeri Sembilan,Selangor,Pahang,Perak,Kelantan, Terengganu, Kedah, Perlis dan 2 buah Negeri Selat iaitu Pulau Pinang dan Melaka	1
	F4	Singapura diletakkan di luar Persekutuan Tanah Melayu seperti yang terkandung dalam Perjanjian Malayan Union 1946	1
	F5	Sarawak dan Sabah terus kekal sebagai Tanah Jajahan Mahkota	1
	F6	manakala Kesultanan Brunei terus dilindungi oleh British	1
	F7	Keadaan ini kekal sehingga Malaysia terbentuk	1
	F8	Pembentukan Malaysia dicadangkan oleh Lord Brassey/Sir Malcom McDonald/Dato, Onn Jaafar/Lim Yew Hock/David Marshall	
	F9	Tunku Abdul Rahman telah menyetujui gagasan Malaysia dan mencadangkan pembentukannya	
	F10	Dengan gabungan Persekutuan Tanah Melayu, Sabah, Sarawak, Singapura dan Brunei	
	F11	Usaha pembentukan Malaysia menimbulkan reaksi serta cabaran dari dalam dan luar tetapi hal ini ditangani melalui pelbagai usaha	1
	F12	Pembentukan Malaysia akhirnya diterima dan Perlembagaan Malaysia 1963 telah digubal	1
			Mak 5M

BIL	ISI DAN HURAIAN		MARKAH
2		Huraikan faktor-faktor yang menjadi asas pembentukan Malaysia	
		(a) Faktor politik	
	F1	Keselamatan	1
	F2	Lee Kuan Yew berminat untuk bergabung dengan Malaysia kerana perkembangan pengaruh Barisan Sosialis yang memenangi pilihan raya Hong Lim di Singapura pada April 1961	1
	F3	Kebangkitan pengaruh Barisan Sosialis akan melemahkan Parti Tindakan Rakyat (People's Action Party) pimpinan Lee Kuan Yew	1
	F4	Perkembangan di Singapura membimbangkan kerana pergerakan yang berlaku akan menggugat rancangan kerajaan British dalam memberikan kemerdekaan kepada Singapura	1
	F5	Lee Kuan Yew menganggap Barisan Sosialis sebagai gerakan berhaluan kiri	1
	F6	Lee Kuan Yew menggunakan alasan ancaman komunis untuk mendesak British menggabungkan Singapura dengan Persekutuan Tanah Melayu	1
	F7	Persekutuan Tanah Melayu berpengalaman dalam membanteras pengaruh Parti Komunis Malaya sepanjang tempoh darurat, iaitu dari tahun 1948 hingga tahun 1960	1
	F8	Ancaman komunis turut di Sarawak dan Clandestine Communist	1

	Organization yang bermatlamat menjadikan Sarawak sebagai negara Komunis	
F9	Ancaman komunis merupakan antara faktor terpenting yang mendorong Tunku Abdul Rahman mengemukakan idea pembentukan Malaysia	1
F10	Penyertaan Singapura, Sarawak dan Sabah dalam Malaysia diharapkan dapat menjadi yang kukuh bagi menghadapi ancaman komunis	1
F11	Kemerdekaan	1
F12	Penubuhan Malaysia akan mempercepatkan kemerdekaan Sarawak, Sabah, Singapura dan Brunei	1
F13	kerana pada masa itu Sarawak, Sabah dan Brunei masih belum mampu berkerajaan sendiri	1
F14	Dengan menyertai Malaysia, Negara-negara ini juga dapat menikmati pembangunan social, ekonomi dan politik	1
F15	Dekolonisasi	1
F16	Penubuhan Malaysia merupakan satu usaha dekolonisasi British terhadap negeri-negeri kecil yang belum membangun	1
F17	Pada masa itu, hampir kesemua Negara di Asia Tenggara Telah mendapat kemerdekaan	1
F18	Dalam perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu(PBB) pada tahun 1960, timbul usul agar tanah-tanah jajahan diberi kemerdekaan	1
F19	Kejayaan pembentukan Malaysia diharapkan dapat memberikan kestabilan politik kepada rantau Asia Tenggara	1
F20	British berharap pembentukan Malaysia dapat menghalang penyebaran pengaruh komunis di Singapura dan wilayah- wilayah	1
F21	British perlu mengambil langkah-langkah ke arah memastikan kepentingan mereka terus terkawal, terutamanya di pangkalannya, Singapura.	1
	(b) Faktor ekonomi	
F22	Penubuhan Malaysia akan mewujudkan satu pasaran yang lebih luas.	1
F23	menggalakkan pelaburan dan perkembangan industri pertanian	1
F24	Kerjasama serantau dalam bidang ekonomi dapat memanfaatkan keistimewaan dan sumber-sumber yang ada di negeri-negeri ini	1
F25	Tanah Melayu kaya dengan bahan mentah	1
F26	seperti getah dan bijih timah, Sarawak dan Sabah mempunyai Sumber balak manakala Brunei kaya dengan sumber minyak	1
	(c) Faktor Sosial	1
F27	Pembentukan Malaysia dapat mengimbangkan jumlah dan kadar pertumbuhan kaum dalam kalangan negeri anggota	
F28	Kemasukkan Sarawak, Sabah dan Brunei dalam gabungan itu dapat mengimbangi posisi kaum	1
F29	Penyertaan negara-negara ini dalam Malaysia dapat menjamin Kemerdekaan yang lebih awal disamping itu untuk memajukan negeri negeri yang belum maju seperti Sabah dan Sarawak.	1
F30	Kemerdekaan Negara Negara yang dijajah merupakan dasar dekolonisasi British.	1

	F31	Pembentukan Malaysia memperlihatkan kesepakatan dan semangat setia kawan diantara PTM dan Sabah , Sarawak dan Singapura.	1
			Mak 25

BIL		ISI DAN HURAIAN	MARKAH
3		Pemimpin di atas telah menentang cadangan pembentukan Malaysia. Perihalkan penentangan tersebut.	
		Soerkarno – Indonesia	
	F1	Indonesia telah membantah pembentukan Malaysia	1
	F2	Indonesia berpendapat pembentukan Malaysia merupakan satu bentuk neokolonialisme	1
	F3	yang akan mengancam Indonesia	1
	F4	Dipengaruhi oleh Parti Komunis Indonesia (PKI	1
	F5	Presiden Soekarno mengisytiharkan Dasar Konfrontasi	1
	F6	Dasar Konfrontasi dari segi ekonomi dan kemasyarakatan	1
	F7	Konsep Ganyang Malaysia telah diumumkan pada 20 Januari 1963.	1
	F8	berlaku serangan terhadap kapal-kapal nelayan Tanah Melayu	1
	F9	pencerobohan udara tetapi kerajaan Persekutuan tidak mengambil sebarang tindakan.	1
	F10	Tentera Indonesia mula melancarkan serangan terhadap Malaysia melalui Johor, Sarawak dan Sabah	1
	F11	Indonesia bertindak memburukkan nama Malaysia di negara Afro-Asia dan negara Dunia Ketiga	1
	F12	Memutuskan hubungan diplomatik dengan Indonesia	1
			1
		Macapagal – Filipina	
	F1	Filipina membuat pengumuman rasmi menuntut hak terhadap Sabah pada Jun 1962.	
	F2	Ini kerana Filipina mendakwa Sabah masih lagi merupakan sebahagian daripada milik Kesultanan Sulu.	1
	F3	Tuntutan ini berdasarkan perjanjian yang ditandatangani pada 22 Januari 1878	1
	F4	antara Sultan Jamalul Alam dengan Baron Von Overbeck.	
	F5	Baron Von Overbeck kemudian telah menjualkan haknya kepada Alfred Dent	1
	F6	yang telah menubuhkan syarikat perdagangan yang berjaya memperoleh Piagam Diraja daripada British.	
	F7	Pada tahun 1881, syarikat ini dikenali sebagai Syarikat British Utara Borneo (SBUB).	1
	F8	Pada tahun 1946, SBUB menyerahkan pemerintahan Sabah kepada kerajaan British	1
	F9	Syarikat inilah yang memerintah Sabah sehingga kedatangan Jepun.	1
	F10	Walau bagaimanapun, pajakan ini telah diisytiharkan tamat oleh waris Sultan Sulu yang terakhir, iaitu Sultan Esmail Kiram pada 22 Januari	
			Mak 20

	1958.	
	<p>PEMARKAHAN PERLU SEIMBANG 10 UNTUK SOEKARNO 10 UNTUK MACAPAGAL</p>	

BIL	ISI DAN HURAIAN	MARKAH
4	<p>Pembentukan Malaysia telah memberi banyak kebaikan kepada negara. Buktikan pernyataan tersebut</p> <ul style="list-style-type: none"> F1 • menyekat perkembangan pengaruh komunis. 1 F2 • Sabah, Sarawak merdeka lebih awal (dua tahun awal) 1 F3 • Meningkatkan imej Malaysia di mata dunia 1 F4 • Sarawak tidak dijadikan negara komunis 1 F5 • mewujudkan pasaran yang lebih luas, 1 F6 • perkembangan industri pertanian. 1 F7 • Ekonomi negara meningkat 1 F8 • Kekayaan negara dimanfaatkan bersama F9 • Contohnya Tanah Melayu kaya dengan getah, Sarawak dan Sabah kaya dengan balak dan sumber minyak F10 • dapat mengimbangi jumlah pertumbuhan kaum 1 F11 • semangat integrasi nasional. 1 F12 • Memupuk semangat setiakawan F13 • kepelbagaian budaya / Malaysia yang unik 1 F14 • Contoh Melayu/Cina/India/Murut/Kadazan/Bajau/Bidayuh F15 • Perkembangan sektor pelancongan 1 F16 • Mempunyai tempat menarik disekitar Sabah (Gunung Kinabalu)/ Sarawak dan Semenanjung Tanah Melayu F17 • Hidup dalam keadaan aman damai penuh keharmonian dalam pelbagai kaum 1 F18 • Malaysia adalah sebuah negara yang mempunyai kestabilan politik menyebabkan rakyat hidup aman damai tanpa pergaduhan kaum dan peperangan 1 <p>Mana-mana munasabah Markah merangkumi F+H+C+I</p>	20 markah

ATAU

4	<ul style="list-style-type: none"> • Menunjukkan pengetahuan dan pemahaman yang sangat jelas, tepat dan mendalam serta membuat inference yang tepat dari aspek positif dan negatif • Fakta sangat tepat • Semua isi penting dengan mendalam dan seimbang 	<p>Aras 1</p> <p>9 - 10</p>
---	---	------------------------------------

	<ul style="list-style-type: none"> • Huraian disertakan dengan contoh yang sangat jelas dan bersesuaian • Pengolahan / komunikasi yang menarik 	
	<ul style="list-style-type: none"> • Menunjukkan pengetahuan dan pemahaman yang jelas, tepat dan mendalam serta membuat inference yang ringkas dari aspek positif dan negatif • Fakta tepat • Bebarapa isi penting dihuraikan dengan mendalam dan seimbang • Huraian disertakan dengan contoh dan bukti yang jelas • Pengolahan / komunikasi menarik 	Aras 2 7 - 8
	<ul style="list-style-type: none"> • Menunjukkan pengetahuan dan pemahaman yang jelas dan mendalam • Fakta yang tepat • Huraian yang kurang mendalam dan tidak seimbang • Huraian dengan contoh dan bukti yang terhad • Pengolahan / komunikasi masih menarik 	Aras 3 4 - 6
	<ul style="list-style-type: none"> • Menunjukkan pengetahuan dan pemahaman yang terhad • Fakta masih tepat tetapi terlalu umum • Tiada contoh dan bukti yang sesuai • Pengolahan / komunikasi tidak menarik 	Aras 1 1 - 3

BIL	ISI DAN HURAIAN	MARKAH
5	<p>Kebijaksanaan pemimpin negara kita telah berjaya menangani cabaran yang dihadapi semasa pembentukan Malaysia.</p> <p>Buktikan pernyataan tersebut.</p>	
F1	Tunku Abdul Rahman berusaha mengadakan lawatan ke Sabah, Sarawak (Jun 1961) dan Brunei (Julai 1961) bagi menerangkan konsep, tujuan dan matlamat pembentukan Malaysia	1
F2	Menubuhkan Jawatankuasa Perundingan Perpaduan Kaum dipengerusikan oleh Donald Stephens pada 1961 bagi mengumpul maklumat dan menggalakkan kegiatan pemmbentukan Malaysia	1
F3	Bermesyuarat sebanyak 4 kali di Jesselton (Sabah), Kuching (sarawak) Kuala Lumpur dan Singapura / menghantar pemerhati menghadiri 3 mesyuarat terakhir	1
F4	Penubuhan Suruhanjaya Cobbold bagi meninjau pendapat penduduk Sabah dan Sarawak	1
F5	Cabaran dari Indonesia yang mengisytiharkan konfrontasi berjaya ditangani dengan meminta bantuan tentera Komanwel dari Britain, New Zealand	1
F6	Tunku Abdul Rahman menghantar Tun Dr. Ismail untuk membuat bantahan rasmi kepada Setiausaha Agung PBB tentang pemcerobohan Malaysia	1
F7	Tun Abdul Razak mengetuai perwakilan ke beberapa buah negara Afrika untuk menjelaskan masalah hubungan diplomatik antara Malaysia dan Indonesia kerana Indonesia memburukkan nama Malaysia	
F8	Tunku Andul Rahman mengurangkan ketegangan dengan mencadangkan penubuhan MAPHILINDO	
F9	Pemimpin negara bersetuju meminta bantuan PBB bagi meninjau semula	

	F10	pandangan penduduk Sabah dan Sarawak tentang penyertaan mereka dalam Malaysia setelah didesak oleh Indonesia dan Filipina	
	F11	Pemimpin-pemimpin Sarawak telah bergabung membentuk Parti Perikatan dan menyokong penyertaan Sarawak dalam Malaysia	
		Pemimpin-pemimpin Sabah telah bergabung membentuk Parti Perikatan Sabah dan menyokong penyertaan Sabah dalam Malaysia	
		Markah merangkumi F+H+C+I	10 markah

ATAU

5	<ul style="list-style-type: none"> • Menunjukkan pengetahuan dan pemahaman yang sangat jelas, tepat dan mendalam serta membuat inference yang tepat dari aspek positif dan negatif • Fakta sangat tepat • Semua isi penting dengan mendalam dan seimbang • Huraian disertakan dengan contoh yang sangat jelas dan bersesuaian • Pengolahan / komunikasi yang menarik 	Aras 1 9 - 10
	<ul style="list-style-type: none"> • Menunjukkan pengetahuan dan pemahaman yang jelas, tepat dan mendalam serta membuat inference yang ringkas dari aspek positif dan negatif • Fakta tepat • Beberapa isi penting dihuraikan dengan mendalam dan seimbang • Huraian disertakan dengan contoh dan bukti yang jelas • Pengolahan / komunikasi menarik 	Aras 2 7 - 8
	<ul style="list-style-type: none"> • Menunjukkan pengetahuan dan pemahaman yang jelas dan mendalam • Fakta yang tepat • Huraian yang kurang mendalam dan tidak seimbang • Huraian dengan contoh dan bukti yang terhad • Pengolahan / komunikasi masih menarik 	Aras 3 4 - 6
	<ul style="list-style-type: none"> • Menunjukkan pengetahuan dan pemahaman yang terhad • Fakta masih tepat tetapi terlalu umum • Tiada contoh dan bukti yang sesuai • Pengolahan / komunikasi tidak menarik 	Aras 1 1 - 3

BIL	ISI DAN HURAIAN	MARKAH
6	<p>Kebelakangan ini terdapat pelbagai pihak cuba menggugat kedaulatan negara. Bincangkan pernyataan tersebut.</p> <p>Jawapan lebih fokus kepada ancaman luar Beri Fakta+Huraian+Contoh+Inferens</p> <p>F1 – peristiwa lahad datu F2 – penyeludupan senjata F3 - Perebutan pulau batu putih</p>	

	<p>Jawapan dari dalam negara diterima dengan huraian & contoh</p> <p>F1 - Kurang minat mempertahankan negara F2 – Keruntuhan akhlak F3 – Nilai-nilai kemanusiaan semakin pudar F4 – Penyalahgunaan dadah F5 – Institusi kekeluargaan semakin luntur/penceraian meningkat F6 – Demonstrasi jalanan untuk menyuarakan ketidakpuasan hati F7 – Masalah kemiskinan F8 – Kadar pengangguran tinggi F9 – Kemosotakan ekonomi dunia F10 – Sekatan / Kawalan negara maju F11 – Penyalahgunaan ICT F12-Pengaruh media massa F13- Berasa selesa dengan kemajuan sedia ada</p> <p>[Terima mana-mana jawapan lain yang munasabah]</p> <p>Markah merangkumi F+H+C+I</p>	10 markah
--	--	-----------

BIL	ISI DAN HURAIAN	MARKAH
7	<p>Jelaskan iktibar yang diperolehi daripada tajuk yang dikaji.</p>	
F1	<ul style="list-style-type: none"> Wujudkan kerjasama yang mantap antara pemimpin dengan pemimpin, serta pemimpin dan rakyat agar sesuatu perancangan dapat dilaksanakan dengan sempurna dan lancar 	1
F2	<ul style="list-style-type: none"> Mengamalkan amalan sentiasa berfikir positif dalam apa jua bidang 	1
F3	<ul style="list-style-type: none"> Setiap masalah atau perselisihan hendaklah diselesaikan dengan rundingan dan permuafakatan 	1
F4	<ul style="list-style-type: none"> Mempunyai sikap jati diri dan berdaya saing untuk mencapai sesuatu yang dicita-citakan 	1
F5	<ul style="list-style-type: none"> Tidak mudah berputus asa dalam apa jua bidang yang diceburi tetapi sentiasa berusaha gigih mencapai matlamat 	1
F6	<ul style="list-style-type: none"> Tidak mengamalkan syak wasangka atau iri hati dengan pencapaian orang lain atau kaum lain 	1
F7	<ul style="list-style-type: none"> Sentiasa bersatupadu, bertoleransi dan hormat menghormati antara kaum yang ada di Malaysia 	1
F8	<ul style="list-style-type: none"> Perlu mengekalkan tradisi bangsa Malaysia serta mengamalkan kebudayaan kebangsaan 	1
F9	<ul style="list-style-type: none"> Tidak bekerjasama dengan sebarang kuasa asing yang boleh merosakkan negara 	1
F10	<ul style="list-style-type: none"> Berbangga dan berterima kasih kepada pemimpin dengan kemajuan dan pencapaian negara di peringkat antarabangsa 	1
F11	<ul style="list-style-type: none"> Setiap rakyat Malaysia sentiasa mengamalkan ajaran agama atau berpegang teguh kepada ajaran agama masing-masing agar keharmonian negara dapat dikekalkan 	1
F12	<ul style="list-style-type: none"> Tidak celik Sejarah/ tidak mengetahui tujuan pembentukan Malaysia. <p>Mana-mana munasabah</p> <p>Markah merangkumi F+H+C+I</p>	1
		10 markah

8	Pengetahuan yang diperoleh Nilai murni Unsur patriotisme Harapan kepada masyarakat dan negara (mana-mana yang munasabah	Mana- mana 1 X 5markah
----------	--	---------------------------------------